

# Adakah Anda Bijak Merancang Perbelanjaan?

Wanita hari ini ramai yang berpelajaran tinggi, berkerjaya dan mempunyai pendapatan sendiri. Mereka yang mempunyai pendapatan sendiri bebas menentukan bagaimana dan ke mana wang gaji yang diperoleh itu dibelanjakan. Namun, ada juga wanita yang menjadi suri rumah sepenuh masa. Apa pun tugas kita, kebanyakannya menguruskan kewangan adalah di tangan wanita itu sendiri walaupun setelah berumah tangga. Maka tidak hairanlah bila wanita dianggap sebagai Menteri Kewangan sesebuah keluarga.

Secara umumnya peruntukan bulanan untuk perkara tertentu sudah termasuk dalam belanjawan atau perbelanjaan yang wajib dikeluarkan. Perbelanjaan ini merangkumi bayaran utiliti dan pinjaman serta sumbangan untuk ibu bapa.

Ada antara kita suka berbelanja besar jika mempunyai wang lebih dan selalunya membeli hiasan diri dan rumah yang sesuai dengan cita rasa fesyen dan gaya terkini. Sudah menjadi lumrah kita sebagai wanita yang sukakan kecantikan dan berbelanja untuk kelihatan menarik.

Kebanyakannya dari kita gemar membeli pakaian demi untuk bergaya dan mengikut trend semasa berbanding untuk keselesaan dan keperluan, tidak kira sama ada bekerja atau pun seorang suri rumah.

Walaupun kita suka berbelanja, kita juga cenderung menyimpan atau menabung kerana sikap semulajadi wanita yang sering merancang dan selalu beringat untuk mempunyai wang jika

66 Ada antara kita suka berbelanja besar jika mempunyai wang lebih dan selalunya membeli hiasan diri dan rumah yang sesuai dengan cita rasa fesyen dan gaya terkini. Sudah menjadi lumrah kita sebagai wanita yang sukakan kecantikan dan berbelanja untuk kelihatan menarik.

keadaan memerlukan.

Sebagai wanita yang bijak, kita perlu tahu merancang dan mengurus perbelanjaan agar wang yang diterima setiap bulan tidak habis begitu sahaja tanpa dapat disimpan untuk kegunaan pada masa hadapan atau ketika kecemasan. Seperti yang disarankan oleh penasihat kewangan, sebaik-baiknya simpan 10

peratus daripada pendapatan pada setiap bulan.

Suri rumah juga dikatakan sebagai pakar perancang kewangan keluarga yang baik. Bermula dengan mendidik anak-anak untuk menabung dan seterusnya melabur untuk pendidikan mereka kelak. Menguruskan perbelanjaan keluarga setiap bulan juga memerlukan kemahiran. Dengan kenaikan harga barang yang berlaku ketika ini, suri rumahlah yang mahir membandingkan harga serta mengetahui dimana barang boleh diperolehi dengan harga yang berpatutan.

Berbelanja mengikut kemampuan juga boleh mengelakkan perangkap hutang kad kredit. Maka keperluan perlu dibezakan berbanding kehendak untuk menjauhi pembaziran. Merekodkan perbelanjaan juga turut membantu menguruskan kewangan dengan lebih baik. Melalui perancangan ini kita bolehlah mulakan simpanan untuk masa hadapan.

Ini kerana menurut Laporan Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Mukim 2010 bahawa purata jangka hayat wanita adalah lebih panjang berbanding lelaki iaitu sehingga 77 tahun manakala lelaki pada umur 72 tahun. Wanita hidup lebih lama kerana wanita lebih cenderung menjaga tahap kesihatan dan menjalani rawatan berbanding lelaki. Maka adalah penting bagi kita sebagai wanita mempunyai kesedaran dan perancangan kewangan jangka panjang. Ini adalah untuk memenuhi keperluan diri kita sendiri serta ahli keluarga.

Kita perlu menyediakan perlindungan sekiranya jatuh sakit dan dimasukkan ke

hospital, hilang upaya atau berlaku kematian. Wanita juga boleh memilih untuk memiliki pelan perlindungan yang khusus untuk mereka, yang mana pelan ini merangkumi perlindungan dan rawatan khusus seperti perlindungan kanser wanita atau komplikasi kehamilan dan sebagainya.

Kehidupan yang dilalui juga adakalanya tidak terlepas dari dugaan. Bagaimana jika berlaku perceraian dalam perkahwinan? Bagi wanita yang berstatus ibu tunggal, mereka perlu membayai keluarga sepenuhnya. Ketika inilah tabungan atau sumber pendapatan amat penting untuk menjamin kemampuan bagi meneruskan kehidupan bersama anak-anak. Segalanya terletak di bahu si ibu sebagai ketua keluarga untuk memastikan semuanya mencukupi.

Oleh itu wahai wanita, bersama-sama lah kita merancang perbelanjaan dari awal dan berbelanja mengikut keperluan. Ini kerana kita tidak dapat menduga apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Sekurang-kurangnya kita telah bersedia sekiranya kita diuji dengan cabaran kewangan.

Bijak Berbelanja, Keluarga Bahagia.

Sila layari laman web kami di [www.greateasterntakaful.com](http://www.greateasterntakaful.com) atau [facebook.com/greateasterntakaful.com](https://facebook.com/greateasterntakaful.com)

